

Anwar: Dr M berkata benar tentang Pakatan akan memerintah selamanya
Malaysian Insider
9 September, 2012
Oleh Lisa J. Ariffin

KUALA LUMPUR, Sept 9 — Kenyataan Tun Dr Mahathir yang takut Pakatan Rakyat akan memerintah selamanya adalah benar, kerana ia akan menjadi kerajaan yang lebih baik dari Barisan Nasional, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir memberi amaran Jumaat lalu bahawa negara mungkin tidak dapat melihat BN memerintah lagi jika PR berjaya menawan Putrajaya, dengan berkata pembangkang akan "lakukan apa sahaja" untuk kekal berkuasa.

"Dia (Mahathir) mungkin membayangkan dibawah pentadbiran PR, kerajaan lebih terurus dan telus menyebabkan orang semakin sukar untuk menyokong BN," kata Anwar kepada wartawan di majlis rumah terbuka ahli parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar hari ini.

Anwar merupakan anak didik Dr Mahathir dan menjadi timbalannya hingga pada tahun 1998 apabila beliau dipecat kerana salah laku kuasa dan liwat.

Dia kemudiannya dipenjara enam tahun dan menjadi ketua pembangkang apabila menang empat negeri dan dapat menafikan dua per tiga penguasaan BN dalam parlimen.

"Dia kata, sekali kalah, akan hilang selamanya — itu adalah benar.

"Ini kerana, segala rasuah dan ketidakcekapan kerajaan BN akan didedahkan," katanya lagi.

Anwar berkata ini juga adalah sebagai peringatan kepada pemimpin PR yang "pemimpin PR harus belajar kesalahan dari kepimpinan kerajaan sekarang".

"Institusi kerajaan haruslah kukuh, dan tidak disalahgunakan untuk kedudukan kuasa," katanya lagi.

Dr Mahathir memberi amaran apabila dia berucap di kalangan kakitangan kerajaan yang bersara di Lembah Pantai Jumaat lalu, dengan berkata supaya "menghargai kerajaan BN yang baik" selama 55 tahun.

"Tetapi sekiranya mereka (PR) mendapat kuasa, mereka akan lakukan apa sahaja untuk kita tidak dapat kembali kepada BN, pada masa itu, segalanya sudah terlewat," kata Dr Mahathir.

Perdana menteri selama 22 tahun itu kemudian mengingatkan orang ramai tentang pengalamannya dalam kerajaan, dan berkata "dia tahu serba sedikit dalam kerajaan".

Beliau turut mengulangi pandangannya yang ditulis di dalam blog yang mengatakan "perubahan" tidak semestinya ke arah kebaikan.

"Ramai yang bertanya, adakah patut ada perubahan (dalam kerajaan)? Saya rasa, mengikut pengalaman saya, sebagai perdana menteri selama 22 tahun, perubahan tidak selalunya ke arah kebaikan.

“Perubahan mungkin menjadi lebih buruk. Anda mungkin merosakkan negara ini jika anda memilih kerajaan yang hanya berminat untuk cita-cita seseorang untuk menjadi perdana menteri, dan bukan berkhidmat untuk rakyat.

“Dia nak jadi PM, jadi dia beritahu semua orang ini masa untuk berubah,” katanya.

Dr Mahathir merujuk kepada Anwar, bekas timbalannya dalam kerajaan, yang menurut beliau hanya fokus untuk mendapat jawatan perdana menteri semata-mata.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-dr-m-berkata-benar-tentang-pakatan-akan-memerintah-selamanya/>